



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Clubfoot.”

Pada 26 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Noor Izan binti Abd Ghani dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Marzuqi bin Muhammad. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi Renungan Pagi ini Puan Ili Ruwaida binti Md. Yusof, Penolong Pendaftar Kanan dari Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar telah menyampaikan perkongsian pengalaman bertajuk “Clubfoot.”

Ringkasan daripada tajuk yang telah dikongsikan adalah suatu pengalaman yang terjadi pada dua orang anaknya. Komplikasi “Clubfoot” adalah suatu kondisi kaki yang menghala ke atas serta ke dalam dan tidak memijak lantai. Ia terjadi pada sebelah atau kedua-dua belah kaki. Komplikasi ini perlu dirawat dari kecil kerana sendi dan otot masih lembut dan dapat memperbaiki keadaan posisi kaki agar dapat berjalan dalam keadaan yang betul.

Komplikasi ini berpunca daripada 3 faktor iaitu postural, anak pertama, berat bayi melebihi 4 kilogram serta kekurangan air ketuban. Ini boleh dirawat melalui kaedah rawatan fisioterapi manakala punca struktur, faktor genetik dan punca lain, seperti masalah saraf pada otot, abnormaliti pada sel tisu otot serta ligamen dan jangkitan virus. Punca ini dirawat secara pembedahan.

Teknik Ponseti telah diperkenalkan oleh Dr. Ignacio Ponseti dan mengambil masa selama 6 minggu untuk rawatan pemulihan. Rawatan boleh dimulakan seawal minggu kedua kelahiran. Kaki bayi akan dipasang simen (Plaster of Paris) bagi membetulkan kaki secara berperingkat. Simen akan ditukar setiap minggu bagi membetulkan Equinus (kaki melunjur ke depan seperti meninjik), adakalanya prosedur tenotomy iaitu rawatan pembedahan urat keting (5mm) perlu dilakukan sehingga kaki bayi kembali ke bentuk yang normal.

Selepas prosedur tenotomy, simen akhir akan dipasangkan selama 3 minggu dan sebaik sahaja dibuka, kaki bayi akan dipakai kasut khas yang dikenali sebagai Dennis-Brown sehingga tulang dan otot bayi matang.

Pengetahuan komplikasi ini telah dikongsikan menerusi Facebook Founder Clubfoot Malaysia, Puan Zarinawati M Saad.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

